

Kabinet prihatin masalah rakyat

BH - 2/3/2006

Fahami rasional kenaikan harga minyak: Khaled

Oleh Shamshul Azree Samshir dan Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Mesyuarat Kabinet semalam membincangkan panjang lebar reaksi rakyat terhadap pengumuman kenaikan harga runcit petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG), yang masing-masing naik 30 sen seliter dan sekilogram.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamed Khaled Nordin, berkata anggota Kabinet memberi perhatian kepada masalah

rakyat tetapi pada masa sama mahu rakyat memahami rasional kenaikan seperti dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kelmarin.

“Kita bincang panjang lebar. Mana ada kerajaan yang berasaskan kepada sistem demokrasi yang dipilih oleh rakyat suka melihat rakyat tidak suka pada kerajaan.

“Itu wajarlah... saya juga tidak suka tengok orang susah,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementeriannya di sini.

Mohamed Khaled mengulas sama

ada mesyuarat semalam membincangkan reaksi rakyat.

Kelmarin, harga runcit petrol, diesel dan LPG masing-masing naik 30 sen seliter dan sekilogram seperti yang diputuskan kerajaan. Kali terakhir kerajaan menaikkan harga runcit barangan petroleum ialah 31 Julai 2005, iaitu petrol sebanyak 10 sen seliter, diesel 20 sen seliter dan LPG sebanyak 5 sen sekilogram.

Mohamed Khaled berkata, keputusan kerajaan menaikkan harga runcit minyak dibuat dengan mengambil kira kesan jangka panjang.

“Keputusan bukan berteraskan soal populariti, sebaliknya memikirkan kesan jangka panjang,” katanya.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata kementerian akan mengadakan pertemuan dengan kesatuan sekerja untuk memberi penjelasan berhubung tindakan kerajaan.

Dr Fong berkata, penerangan bertujuan memberi pemahaman kepada pekerja di negara ini mengenai rasional kenaikan dalam usaha kerajaan menampung kos kenaikan minyak dunia.